



26 Mei 2015  
26 May 2015  
P.U. (A) 97

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH DUTI SETEM  
(SETEM BERPELEKAT) 2015

*STAMP DUTY (ADHESIVE STAMP) RULES 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

KAEDAH-KAEDAH DUTI SETEM (SETEM BERPELEKAT) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 82(a) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Duti Setem (Setem Berpelekat) 2015**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, “setem berpelekat” ertinya suatu setem hasil berpelekat yang digunakan bagi maksud menunjukkan bayaran duti setem ke atas suatu surat cara dan ditetapkan mengikut Kaedah-Kaedah ini.

**Setem berpelekat**

3. (1) Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri hendaklah mengeluarkan setem berpelekat dalam apa-apa denominasi dan mengikut spesifikasi, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri hendaklah bertanggungjawab untuk—

(a) mengawal selia bekalan dan jualan setem berpelekat; dan

(b) menentukan kewajipan dan saraan, jika ada, bagi orang yang dilantik untuk menjual setem itu.

(3) Setem berpelekat hendaklah dijual pada harga yang bersamaan dengan nilai yang tertera di atas setem itu.

(4) Semua hasil daripada penjualan setem berpelekat hendaklah menjadi milik Kerajaan Malaysia dan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

### **Kesahan setem berpelekat**

4. (1) Setem berpelekat yang sah ialah setem yang ditetapkan mengikut Kaedah-Kaedah ini.

(2) Dalam hal jika kesahan suatu setem berpelekat itu dipertikaikan, ketulenan setem itu hendaklah ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

(3) Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh membatalkan penggunaan apa-apa setem berpelekat mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukannya.

### **Rekod berhubung dengan setem berpelekat**

5. Orang yang dilantik untuk menjual setem berpelekat hendaklah menyimpan dan menyenggara rekod berhubung dengan jualan setem berpelekat mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

## **JADUAL**

[Subkaedah 3(1)]

### **SPESIFIKASI SETEM BERPELEKAT**

1. Saiz bagi suatu setem berpelekat hendaklah 29 milimeter kali 34 milimeter.
2. Perkataan "HASiL" dalam saiz teks pelbagai hendaklah membentuk corak latar belakang di dalam kotak menegak di sebelah kiri.
3. Perkataan "MALAYSIA" terdapat di penjuru bawah di sebelah kanan.
4. Setem berpelekat yang dikeluarkan hendaklah dalam denominasi yang berikut:

(a) 15 sen;

- (b) 50 sen;
- (c) RM1;
- (d) RM5;
- (e) RM10;
- (f) RM50;
- (g) RM100; dan
- (h) RM250.

Dibuat 15 Mei 2015

[Perb. CR(8.09)248/39/7-217 Jld. 11 (SK. 10); LHDN.01/32.3/42/68-100-63;  
PN(PU2)159/XXIX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (ADHESIVE STAMP) RULES 2015

IN exercise of the powers conferred by paragraph 82(a) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Stamp Duty (Adhesive Stamp) Rules 2015**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation on 1 February 2009.

**Interpretation**

2. In these Rules, “adhesive stamp” means an adhesive revenue stamp which is used for the purpose of indicating payment of stamp duty on an instrument and prescribed in accordance with these Rules.

**Adhesive stamp**

3. (1) The Director General of Inland Revenue shall issue adhesive stamps in such denomination and in accordance with the specification, as specified in the Schedule.

(2) The Director General of Inland Revenue shall be responsible to—

(a) regulate the supply and sale of adhesive stamps; and

(b) determine the duties and remuneration, if any, of the person appointed to sell such stamps.

(3) An adhesive stamp shall be sold at the price equal to the value denoted on the stamp.

(4) All revenue from the sale of adhesive stamps shall belong to the Government of Malaysia and shall be paid into the Federal Consolidated Fund.

#### **Validity of adhesive stamp**

4. (1) A valid adhesive stamp is a stamp prescribed in accordance with these Rules.

(2) In a case where the validity of an adhesive stamp is in dispute, the authenticity of such stamp shall be determined by the Director General of Inland Revenue.

(3) The Director General of Inland Revenue may revoke the use of any adhesive stamp in such manner as may be determined by him.

#### **Record in relation to adhesive stamp**

5. A person appointed to sell adhesive stamp shall keep and maintain a record in relation to the sale of adhesive stamp in any manner as may be determined by the Director General of Inland Revenue.

### SCHEDULE

[Subrule 3(1)]

#### SPECIFICATION OF ADHESIVE STAMP

1. The size of an adhesive stamp shall be 29 millimetres by 34 millimetres.
2. The word "HASiL" in variable text size shall form a background pattern in the vertical box on the left-hand side.
3. The word "MALAYSIA" appears at the bottom corner on the right-hand side.
4. The adhesive stamp issued shall be in the following denominations:
  - (a) 15 sen;
  - (b) 50 sen;
  - (c) RM1;
  - (d) RM5;
  - (e) RM10;

- (f) RM50;
- (g) RM100; and
- (h) RM250.

Made 15 May 2015

[Perb. CR(8.09)248/39/7-217 Jld. 11 (SK. 10); LHDN.01/32.3/42/68-100-63;  
PN(PU2)159/XXIX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*